

AVEXUS FILM-COATED TABLET

Clarithromycin (250mg, 500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Avexus
2. Bagaimana Avexus berfungsi
3. Sebelum menggunakan Avexus
4. Cara menggunakan Avexus
5. Semasa menggunakan Avexus
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Avexus
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Avexus

Ia digunakan untuk merawat jangkitan bakteria pada saluran pernafasan, kulit, tisu lembut dan telinga.

Digunakan bersama ubat lain untuk merawat jangkitan saluran gastrousus yang disebabkan oleh *H. pylori*, bakteria umum yang terdapat di dalam perut.

Bagaimana Avexus berfungsi

Clarithromycin adalah antibiotik yang menghalang bakteria menghasilkan protein penting bagi pembiakan mereka dalam badan manusia.

Sebelum menggunakan Avexus

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Avexus jika anda:

- alah (hipersensitif) terhadap Clarithromycin atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini. Simptom tindak balas alahan seperti batuk, sesak nafas, lelah, kesukaran bernafas, bengkak pada muka, bibir, lidah, tekak atau bahagian badan yang lain; ruam, gatal-gatal atau gatal pada kulit; pengsan atau seperti gejala demam alergi.
- Pengambilan Avexus secara serentak dengan:
 1. Cisapride, ubat untuk merawat sakit perut.
 2. Pimozide, ubat untuk merawat penyakit mental.
 3. Astemizole or terfenadine, ubat untuk merawat tindak balas alahan.
- Dilarang mengambil Avexus jika anda mengambil ubat domperidone (untuk loya & muntah)

-Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Avexus jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan.

- menghadapi kegagalan fungsi hati.
- mempunyai penyakit buah pinggang.
- Warga tua.
- Mempunyai aritmia (degupan jantung tidak menentu atau perlahan).

Sila dapatkan nasihat doktor sebelum mula menggunakan Avexus jika usia anak anda kurang dari 6 bulan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Avexus

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

- 250mg setiap 12 jam, untuk 7 hari.
- Bagi jangkitan yang serius: 500mg setiap 12 jam, untuk 14 hari.
- Untuk rawatan *H. Pylori*: 500mg setiap 12 jam, untuk 7 – 14 hari.

Kanak-kanak: biasanya diambil untuk 10 hari

- berat badan kurang dari 8kg: 7.5mg/kg, dua kali sehari
- 7 – 9 tahun; 20-29kg: 187.5mg, dua kali sehari
- 10 – 12 tahun; 30-40kg: 250mg, dua kali sehari.

Triple terapi: diambil selama 10 hari

500mg Clarithromycin (dua kali sehari) + 1000mg Amoxycillin (dua kali sehari) + 20mg Omeprazole (sekali sehari)

-Bila perlu digunakan

Diambil sebelum atau selepas makan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jangan berhenti mengambil ubat, walaupun anda berasa lebih baik selepas beberapa hari, kecuali dinasihatkan oleh doktor anda. jangkitan anda mungkin tidak hilang sepenuhnya jika anda berhenti mengambil ubat anda terlalu awal.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Jika dos seterusnya adalah hampir, ambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan berlebihan akan mengakibatkan sakit perut, muntah-muntah, loya dan cirit-birit.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terambil secara berlebihan atau bimbang dengan keadaan yang dialami.

Semasa menggunakan Avexus

-Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat. Telan tablet bersama air dan cuba mengambilnya pada waktu yang sama setiap hari.
- Rujuk kepada doktor anda dengan segera. jika anda mengalami cirit-birit yang teruk atau berterusan semasa atau selepas mengambil Avexus,
- Ambil ubat seperti yang diarahkan oleh doktor.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Avexus.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan kunyah tablet. Telan tablet dengan air. Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.
- Jangan gunakan ubat ini tanpa preskripsi daripada doktor atau ahli farmasi.
- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Avexus kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama atau keadaan seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Hati-hati ketika memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan Imexa Tablet terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

- Cirit-birit, loya, masalah pencernaan, sakit perut, pedih hulu hati.
- Gangguan deria bau dan rasa.
- keradangan lidah.
- Hilang selera makan.
- Rendah paras gula darah.
- Hilang pendengaran.
- Bacaan darah yang tidak normal.
- Sakit kepala, pening, susah untuk tidur.
- Ruam kulit, gatal dan tindak balas kulit seperti sindrom Steven-Johnson dan toksik epidermal necrolysis.

- Jaundis, hepatitis.
- Perubahan tingkah laku.

Avexus boleh menyebabkan alahan teruk dan reaksi kulit yang serius.

Berhenti menggunakan Avexus dan dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami simptom yang berikut:

- Kulit kemerahan, lecur, ruam, demam, sakit tekak dan iritasi pada mata.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Avexus

-Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Avexus Film-Coated Tablet 250mg:

Tablet kuning, bujur, bersalut lapis, berukir "XS" pada satu belah dan tanpa ukiran pada sebelah yang lain.

Avexus Film-Coated Tablet 500mg:

Tablet kuning cair, bujur, bersalut lapis, berukir logo pada satu belah dan tanpa ukiran pada sebelah yang lain.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif
Clarithromycin

-Bahan tidak aktif

Avexus Film-Coated Tablet 250mg:

Sodium Starch Glycolate,
Quinoline Yellow Lake, Maize Starch, HPCM Compound Mix, Dioctyl Sodium Sulfosuccinate, Purified Water, Aerosil 200,

Isopropyl Alcohol, Magnesium Stearate, Lactose 200 Mesh, PVP-K30, Microcrystalline Cellulose.

Avexus Film-Coated Tablet

500mg:

Sodium Starch Glycolate, Quinoline Yellow Lake, Maize Starch, HPCM Compound Mix, Dioctyl Sodium Sulfosuccinate, Purified Water, Aerosil 200, Isopropyl Alcohol, Magnesium Stearate, PVP-K30.

-Nombor MAL:

Avexus Film-Coated Tablet 250mg:

MAL04091676AZ

Avexus Film-Coated Tablet 500mg:

MAL04091677AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd

1-5 Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

08/07/2020

Nombor siri

NPRA(R2/1)200702/474